

**SYARAT-SYARAT DAN PERATURAN  
LESEN PENJAJA MAJLIS DAERAH MERSING**

1. Kelulusan **TERHAD** kepada lokasi permohonan yang telah diluluskan sahaja.
2. Lesen hendaklah sentiasa dipamerkan ditempat yang mudah dilihat dan ditunjukkan kepada mana-mana kakitangan MDM yang diberi kuasa apabila diminta berbuat demikian.
3. Lesen yang telah diluluskan tidak boleh dipindah milik tanpa mendapat kelulusan bertulis daripada pihak MDM. Pertukaran nama pemegang lesen atau nama syarikat yang baru perlu dibuat dengan cara mengemukakan permohonan tukar nama kepada pihak MDM.
4. Lesen perlu diperbaharui tujuh (7) hari sebelum tamat tempoh.
5. Pemegang lesen tidak dibenarkan menukar atau menambah aktiviti perniagaan yang telah diberi kelulusan tanpa kebenaran pihak MDM. Sebarang pertukaran atau penambahan aktiviti perlu dibuat dengan cara mengemukakan permohonan tambah atau tukar aktiviti kepada pihak MDM.
6. Aktiviti perniagaan yang dijalankan hanya dibenarkan berniaga dipetak atau lokasi yang diluluskan sahaja.
7. Pemegang lesen perlu mematuhi had operasi yang dibenarkan mengikut waktu operasi yang diluluskan.
8. Lesen hanya dikeluarkan kepada Warganegara Malaysia berumur 18 tahun dan ke atas sahaja.
9. Pemegang lesen adalah dilarang menyewakan lesen atau petak berniaga kepada orang lain. Sekiranya didapati penyewaan lesen dibuat, tindakan pembatalan lesen serta merta akan diambil.
10. Dilarang membina struktur kekal atau meninggalkan gerai, barang perniagaan di lokasi selepas tamat berniaga. tindakan sitaan dan Notis Tawaran Kompaun akan dikeluarkan serta pembatalan permit akan dibuat sekiranya ingkar.
11. Tapak penjaja tidak boleh digunakan sebagai penginapan persendirian.
12. Menyediakan tong sampah yang sesuai dan bertutup.
13. Semua bahan-bahan yang tidak digunakan perlu diuruskan dengan baik dan dibuang ditempat yang dibenarkan sahaja.
14. **TIDAK DIBENARKAN** untuk membuang sisa cecair / bahan kotor / buangan dalam mana-mana longkang atau tempat awam.
15. Mengamalkan amalan pengasingan sampah (3R).
16. Kebersihan kawasan sekeliling hendaklah sentiasa dijaga dan tidak memberi kacau ganggu kepada masyarakat setempat.
17. Lesen meletakkan barang-barang atau benda-benda lain untuk jualan di laluan awam kecuali mendapat kelulusan dari pihak MDM.
18. Penjaja yang terlibat dengan pengendalian makanan dan minuman perlu memakai topi dan apron sepanjang masa perniagaan dijalankan.
19. Mengikuti segala kehendak dalam **Garis Panduan Kempen Tiada Beg Plastik Percuma**.
20. Pemegang lesen dan pembantu hendaklah mendapatkan suntikan typhoid (TY2) serta membuat pemeriksaan kesihatan dalam tempoh masa tiga (3) hari selepas kelulusan Lesen Penjaja diperolehi. Buku suntikan hendaklah sentiasa dibawa bersama ketika menjalankan perniagaan dan memastikan suntikan yang diterima masih sah dalam tempoh yang ditetapkan.
21. Pemegang lesen dan pengendali makanan hendaklah menyertai kursus pengendalian makanan dalam tempoh masa tiga (3) hari selepas kelulusan Lesen Penjaja diperolehi. Sijil kursus tersebut hendaklah sentiasa dibawa bersama ketika menjalankan perniagaan.
22. Pemegang lesen mestilah sentiasa bersedia dan akur jika diarahkan untuk berpindah lokasi oleh pihak MDM.
23. Aktiviti perniagaan adalah tertakluk kepada peraturan dan undang-undang yang ditetapkan oleh pihak MDM. Sebarang syarat-syarat yang dikenakan tertakluk kepada pindaan Pihak Berkuasa Tempatan dari masa ke semasa.
24. Pihak MDM berhak untuk menarik balik kelulusan yang diberikan, sekiranya terdapat sebarang pelanggaran yang dirasakan boleh menggugat kesejahteraan orang awam atau melanggar hak-hak individu yang berkenaan dan pemeriksaan mengejut akan dijalankan dari masa ke semasa untuk memastikan segala arahan dan peraturan dipatuhi.
25. Tindakan penguatkuasaan akan diambil terhadap mana-mana pihak yang melanggar peraturan yang telah ditetapkan.

**PERHATIAN**

**Syarat-syarat di atas masih terus berkuatkuasa sekiranya tempoh permit ini diperbaharui atau dilanjutkan sehingga ada arahan bertulis daripada Majlis Daerah Mersing membatalkan syarat-syarat tersebut.**